
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMS 411 – Falsafah Sejarah

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Konsep epistemologi sejarah dalam tradisi Timur tidak sama dengan tradisi Barat. Bahaskan.

(100 markah)
2. Kajian tentang teleologi (tujuan) sejarah bukan sahaja menekankan aspek tujuan penulisan sejarah bahkan juga aspek tujuan proses sejarah atau kejadian masa lalu. Bincangkan.

(100 markah)
3. Dari segi kosmologi, terdapat berbagai-bagai teori gerak sejarah menurut perspektif Barat dan Timur. Menurut pendapat anda, teori manakah yang lebih berpengaruh?

(100 markah)
4. Dari segi eskatologi sejarah, terdapat doktrin messianisme atau Imam al-Mahdi pada zaman akhir sejarah nanti. Bahaskan dengan memberikan contoh-contoh gerakan messianik dalam sejarah manusia.

(100 markah)
5. Hukum sebab-akibat (*causality*) tidak dapat dipakai dalam bidang ilmu kemanusiaan dan sejarah. Setujukah anda dengan pernyataan ini?

(100 markah)
6. Suatu masalah besar dalam falsafah sejarah ialah tidak berlakunya hukum moral bahawa setiap perbuatan baik akan dibalas dengan kebaikan dan perbuatan buruk akan dibalas dengan keburukan. Berikan penjelasan anda tentang bentuk "penyimpangan" sejarah seperti ini.

(100 markah)